

NOTA CERDIK

Kata Arah

- 1 Kata arah ialah perkataan yang menunjukkan arah.
- 2 Kata arah terletak di hadapan frasa nama dan di belakang kata sendi nama untuk menunjukkan arah.
- 3 Contoh: *belakang, hadapan, tepi, bawah, atas, dan sudut*

Praktis 19 Kata Arah


Isi tempat kosong dengan kata arah yang betul berdasarkan gambar.




1 Beberapa orang mangsa banjir berada di _____ bumbung sementara menunggu penyelamat tiba.



2 Aiman dan kumpulannya sedang membuat pembentangan di _____ kelas.



3 Beberapa orang murid sedang berbual di _____ gazebo semasa waktu rehat.



4 Hafiz duduk termenung di _____ padang sambil memerhatikan rakan-rakannya bermain bola.



5 Puan Saleha selalu bertukar-tukar juadah dengan jiran di _____ rumahnya.



6 Atikah dan ibunya menoleh ke _____ kerana ada seekor anak kucing mengekori mereka.

NOTA CERDIK

Kata Bilangan

- 1 Kata bilangan digunakan untuk menghitung sesuatu.
- 2 Terdapat tujuh jenis kata bilangan iaitu:
 - (a) Kata bilangan tentu. Contoh: *dua, tiga, sepuluh, seratus, dan seribu*
 - (b) Kata bilangan tak tentu. Contoh: *beberapa, segala, semua, dan para*
 - (c) Kata bilangan himpunan. Contoh: *kedua-dua, bertahun-tahun, dan berekar-ekar*
 - (d) Kata bilangan pisahan. Contoh: *tiap-tiap, masing-masing, dan setiap*
 - (e) Kata bilangan pecahan. Contoh: *setengah, separuh, suku, dan satu perlima*
 - (f) Kata bilangan tingkat. Contoh: *pertama, kedua, ketiga, dan keempat*
 - (g) Kata bilangan tanya. Contoh: *berapa*